

PERADUAN “PERAJURIT DAPUR – MASAK DAN MENANG”

TEMPOH PERADUAN

- Peraduan bermula daripada :
 - Pusingan 1: 14 Jun 2024 hingga 29 Jun 2024 (penghantaran video)
Penyertaan perlu dihantar dalam jangkamasa yang ditetapkan untuk dinilai
 - Pusingan 2 & 3: 13 Julai 2024
Pertandingan Fizikal di Festival FGV @ Hari Peneroka FELDA, MAEPS, Serdang

TERMA DAN SYARAT

- Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur **18 tahun dan ke atas** dan **boleh hadir ke Festival FGV @ Hari Peneroka FELDA 2024 (atas kos sendiri)** di MAEPS, Serdang pada 13 Julai sekiranya terpilih.
- Kakitangan FGV, syarikat sekutu, anak syarikat, agensi pengiklanan dan promosi serta ahli keluarga terdekat adalah tidak layak untuk menyertai pertandingan ini.
- Semua video yang dihantar akan menjadi hak milik pihak FGV sepenuhnya

PENGHANTARAN PENYERTAAN

- Peserta perlu memuat naik video **berdurasi 2 – 3 minit** beserta resepi menarik menggunakan **sekurang-kurangnya 4 produk keluaran FGV** (SAJI, Adela, Seri Pelangi, Gula Prai atau Brightcow) dan **tidak melebihi 20mb**.
- Video mesti dimuat naik ke laman web FGV di <https://bit.ly/FGVPerajuritDapur> selewat-lewatnya pada **29 Jun 2024**.
- Video juga perlu dimuat naik ke laman media social (Instagram dan Facebook) dengan kapsyen yang menarik dengan menggunakan hashtag #FGVPerajuritDapur dan tag @fgvholdings. Pastikan akaun anda diset dalam mod *public*.
- 15 peserta terbaik yang terpilih untuk ke pusingan seterusnya akan dihubungi oleh pihak FGV melalui emel atau akaun media sosial rasmi FGV.

KRITERIA VIDEO

- Video mestilah asli/original daripada para peserta
- Tidak menggunakan muzik, gambar atau apa-apa kandungan yang melanggar hak cipta daripada mana-mana pihak.
- Kandungan video tidak boleh bersifat menyinggung atau diskriminasi.
- Hidangan mesti menggunakan bahan-bahan segar dan halal dari awal dan tidak menggunakan bahan siap (kecuali barang asas seperti tepung, gula, garam dan lain-lain)

KRITERIA PENJURIAN

- Penyertaan akan dinilai berdasarkan kreativiti, penyampaian dan daya tarikan keseluruhan hidangan.
- Markah bonus akan diberikan untuk keaslian/originaliti.
- Peserta bebas untuk memasak apa sahaja resepi untuk Pusingan 1 dengan syarat sekurang-kurangnya 4 produk keluaran FGV digunakan di dalam video.
- Tema masakan bagi Pusingan 2 dan 3 akan ditetapkan pada hari pertandingan.